

SULIT
79/1
KHB
PK
Ogos 2010
1 1/2 JAM



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR TAHUN 2010

**KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU
PILIHAN PERDAGANGAN & KEUSAWANAN**

Tingkatan 3

Satu Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


- 1. Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
- 2. Jawab semua soalan.*
- 3. Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
- 4. Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
- 5. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang telah dibuat itu. Kemudian hitamkan jawapan anda yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

- 1 Antara yang berikut, yang manakah amalan 4M dalam pengurusan bengkel?
- A Membersih, menyusun atur, menilai dan mendisiplin
 - B Membersih, menyimpan, memeriksa alat dan menilai
 - C Menyusun atur, memeriksa alat, membersih dan menilai
 - D Memeriksa alat, menyusun atur, mendisiplin dan menyimpan

Siti menyenaraikan kekuatan dan kelemahan beberapa produk di pasaran dan merekod keputusan yang diperolehi sebelum membuat projek reka ciptanya


- 2 Apakah proses yang dilakukan oleh Siti dalam pernyataan di atas?
- A Menganalisis maklumat
 - B Mengenal pasti masalah
 - C Menilai dan memilih idea yang paling sesuai
 - D Menyenarai dan memilih idea penyelesaian masalah
- 3 Faktor-faktor yang perlu diambil kira semasa membuat pemilihan reka bentuk termasuklah
- | | | | |
|-------|-----------|------------|----------------|
| I kos | II grafik | III fungsi | IV rupa bentuk |
|-------|-----------|------------|----------------|
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 4 Apakah tujuan utama pengubahsuaian sesuatu produk dilakukan?
- A Mudah dipasarkan
 - B Menjadikan produk lebih murah
 - C Menjadikan produk lebih berkualiti
 - D Menjadikan produk itu lebih mahal




RAJAH 1

- 5 Rajah 1 menunjukkan salah satu faktor reka bentuk yang **tidak** dititikberatkan ketika pembinaan produk iaitu
- A ketahanan
 - B keselamatan
 - C kesesuaian bahan
 - D kaedah pembinaan

- 6 Antara yang berikut, yang manakah sesuai digunakan untuk menanda keluli lembut sebelum digerudi?



- 7 Rajah 2 menunjukkan kerja mencabut paku.



Apakah fungsi reja kayu itu?

- I Memastikan paku tidak bengkok
- II Memudahkan kerja mencabut paku
- III Mengelakkan kecacatan pada benda kerja

- A I dan II B I dan III C II dan III D I, II dan III

- 8 Jadual 1 menunjukkan bahan dan kos bagi membina projek serba guna.


Bahan	Kos (RM)
Perspeks	600.00
MDF	100.00
Skru	10.00
Glu	20.00
Kertas las	30.00
Lekar	15.00

JADUAL 1

Hitungkan kos pengeluaran projek itu sekiranya kos upah berjumlah RM 300.00 dan kos overhed berjumlah RM 30.00


- A RM 775.00 C RM 1075.00
B RM 805.00 D RM 1105.00

- 9 Rajah 3 menunjukkan sebuah dinamo.



Apakah nama bahagian yang bertanda X?

- A Pemutar
B Teras besi
C Magnet kekal
D Gegendang wayar



RAJAH 4

- 10 Antara yang berikut, manakah yang menggunakan wayar seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4 di atas?
- A Radio
B Televisyen
C Cerek elektrik
D Penyedut hampagas


- 11 Maklumat berikut menunjukkan rekod bacaan meter kWj dan kadar tarif di tempat kediaman Arif.

Bacaan bulan April	00204 unit
Bacaan bulan Mei	00434 unit
Tarif :	
200 unit pertama	RM 0.218
800 unit berikutnya	RM 0.258

Berapakah jumlah yang perlu dibayar oleh Arif?

- A RM 50.14
B RM 51.34
C RM 58.14
D RM 59.34
- 12 Antara yang berikut, manakah yang akan mempengaruhi kelajuan putaran motor DC?
- I Kuasa bekalan elektrik
II Bilangan berus karbon
III Bilangan lilitan dalam angker
IV Kekuatan medan magnet kekal
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV


RAJAH 5



13 Rajah 5 menunjukkan keratan rentas pembesar suara. Bahagian manakah yang berlabel P, Q, R dan S menghasilkan bunyi?

- A P B Q C R D S

14 Apakah komponen elektronik yang ditunjukkan dalam Rajah 6 di bawah?




RAJAH 6

- A Mikrofon C Litar bersepadu
B Suis makro D Pembesar suara

15 Rajah 7 menunjukkan lukisan skematik projek elektronik.


RAJAH 7



Antara yang berikut, komponen yang manakah **tidak** terdapat dalam litar itu?

- A Kapasitor C Perintang tetap
B Transistor D Perintang boleh laras

16 Rajah 8 menunjukkan litar elektronik.



RAJAH 8

LED yang manakah akan menyala?

- A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

17 Antara yang berikut, bahagian yang manakah menerima bekalan air terus daripada paip perkhidmatan?


- | | | | |
|----|----------------|-----|-----------------|
| I | Pili dapur | III | Tangki simbah |
| II | Pili bilik air | IV | Tangki simpanan |
- A I dan II B I dan IV C II dan III D III dan IV

18 Antara yang berikut, yang manakah sesuai untuk menutup hujung paip yang tidak digunakan?

- | | | | |
|---|----------------|---|-------------------|
| A | Palam | C | Siku 90° pengecil |
| B | Soket penjodoh | D | Puting heksagon |

19 Rajah 9 menunjukkan sebuah tangki simbah.


RAJAH 9



Bahagian yang manakah menyalurkan air ke dalam tangki simbah?

- A P B Q C R D S

20 Rajah 10 menunjukkan penggunaan alat lukisan teknik.




RAJAH 10

Berapakah sudut X?

- A 60° B 75° C 105° D 135°

21 Rajah 11 menunjukkan sebuah bongkah.

RAJAH 11




Antara yang berikut, yang manakah garisan penengah?


- A P B Q C R D S

22 Rajah 12 menunjukkan sebuah bongkah.

RAJAH 12




Pilih pandangan yang sesuai bagi Rajah 12 dari anak panah Y ?



23 Rajah 13 menunjukkan sebuah mesin jahit.

RAJAH 13



Apakah fungsi X ?

- A Mengawal mata jahitan
- B Menolak fabrik semasa menjahit
- C Mengawal gerakan jarum jahitan
- D Memulakan atau menghentikan mesin jahit

- Jahitan insang pari
 - Jahitan silang pangkah

24 Cara memulakan jahitan hiasan di atas ialah dengan jahitan kia dari

- | | |
|-----------------|-----------------|
| A kiri ke kanan | C atas ke bawah |
| B kanan ke kiri | D bawah ke atas |

- ✓ Tujuan
 - ✓ Sumber
 - ✓ Keperluan
 - ✓ Keseimbangan sajian

25 Kriteria di atas merujuk kepada

- | | |
|----------------------|------------------------|
| A menyediakan menu | C merancang menu |
| B menyediakan sajian | D mengira perbelanjaan |

- 26 Antara yang berikut, yang manakah merupakan alatan yang sesuai **semasa** menyaji makanan?



- 27 Antara yang berikut, yang manakah faktor keselesaan tempat kediaman?

- I Jenis rumah
II Skema warna


- III Pencahayaan
IV Peredaran udara

- A I, II dan III
B I, II dan IV

- C I, III dan IV
D II, III dan IV

- 28 Rajah 14 menunjukkan susunan alatan dan kelengkapan di ruang dapur.

RAJAH 14



Apakah bentuk susunan itu?

- A Bentuk L
B Bentuk I

- C Bentuk H
D Bentuk U

- 29 Antara yang berikut, padanan yang manakah betul?

	Jenis keratan	Contoh pokok
A	Keratan kayu keras	<i>Hibiscus rosa-sinensis</i>
B	Keratan kayu keras	<i>Pterocarpus indicus</i>
C	Keratan kayu lembut	<i>Hibiscus rosa-sinensis</i>
D	Keratan kayu lembut	<i>Pterocarpus indicus</i>

- 30 Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya didapati tumbuhan berkeadaan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 15 di bawah?

RAJAH 15



- A Menukar pasu tersebut dengan jenis pasu yang lain
 B Memasu semula tumbuhan dengan pasu yang baru
 C Menampal pasu untuk mengelakkan retak lebih teruk
 D Menukarkan tumbuhan tersebut dengan tumbuhan yang lain
- 31 Perniagaan adalah sangat penting kepada individu, masyarakat dan negara kerana dapat
- I Menghadkan peluang pekerjaan
 II Memenuhi keperluan dan kehendak manusia
 III Memperbaiki taraf hidup individu dan masyarakat
 IV Mengeratkan hubungan dagangan antara Negara
- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV
- 32 Rajah 16 menunjukkan suatu masalah sistem barter.



RAJAH 16

Apakah masalah sistem barter itu?

- A Barang tidak tahan lama
 B Tiada kemahuan serentak
 C Masalah membawa barang
 D Masalah membahagikan barang
- 33 Antara berikut yang manakah keperluan asas?
- A Kereta
 B Nasi lemak
 C Perahu layar
 D Telefon bimbit

34 Berikut adalah maklumat tentang sebuah perniagaan.

- Jah Bakery dimiliki oleh Puan Rani
- Modal diperolehi daripada pinjaman bank
- Beliau menguruskan perniagaan tersebut dan dibantu oleh Minah dan Gayah

Jah Bakery adalah merupakan sejenis perniagaan

- | | |
|-------------------|---------------------------|
| A Perkongsian | C Syarikat awam berhad |
| B Milikan tunggal | D Syarikat sendiri berhad |

35 Antara aktiviti berikut, yang manakah dilakukan oleh pemborong ?

- A Membeli secara kredit dan menjual secara tunai
- B Membeli secara pukal dan menjual dalam kuantiti yang kecil
- C Menjual apabila kurang permintaan dan membeli apabila permintaan meningkat
- D Menjual apabila hasil pengeluaran tinggi dan menyimpan apabila hasil pengeluaran rendah

36 Apakah maksud stok bergerak perlahan ?

- A Stok yang selalu dibeli oleh pelanggan
- B Stok yang jarang dibeli oleh pelanggan
- C Stok yang banyak disimpan di dalam stor
- D Stok yang dijual dengan harga yang mahal

37 X dan Y adalah dokumen perniagaan.

Sebelum
urusniaga

Semasa
urusniaga

Selepas
urusniaga

Apakah X dan Y ?

	X	Y
A	Invois	Sebut harga
B	Sebut Harga	Invois
C	Nota serahan	Nota Kredit
D	Nota Kredit	Nota serahan

38 Syarikat Zat membeli buku-buku rujukan berharga RM 1 500.00. Syarat pembayaran menyebutkan 10% diskaun niaga dan 5% 1 minggu. Berapakah Syarikat Zat perlu bayar jika pembayaran dibuat dalam masa 3 hari ?

- A RM 1 282.50
- B RM 1 377.55
- C RM 1 425.00
- D RM 1 450.00

- 39 Antara berikut, yang manakah bukan aktiviti pengeluaran ?
- A Puan Noria mengajar di sebuah kolej swasta
 - B Cik Siva membeli sebuah majalah dari kedai buku
 - C Encik Amir menanam sayur sawi untuk dijual di pasar pagi
 - D Encik Saudi menghantar barang keluarannya kepada pelanggan
- 40 Apakah kelemahan pengkhususan dalam proses pengeluaran ?
- A Barang kurang bermutu
 - B Bertambah kos pengeluaran
 - C Pekerja hilang daya kreativiti
 - D Berkurang kuantiti pengeluaran



Antara berikut yang manakah kemungkinan berada di X ?

- A Penukaran
 - B Perubahan
 - C Pengeluaran
 - D Transformasi
- 42 Antara yang berikut yang manakah perbezaan yang betul tentang ciri perniagaan runcit kecil-kecilan dengan perniagaan runcit besar-besaran ?

	Perniagaan Runcit Kecil-kecilan	Perniagaan Runcit Besar-besaran
A	Mengamalkan sistem layan diri	Memberi layanan peribadi kepada pelanggan
B	Merupakan orang tengah antara pengeluar dengan pengguna	Merupakan orang tengah antara pemborong dengan pengguna
C	Menjalankan pembahagian kerja atau pengkhususan	Menjalankan pengurusan dengan bantuan ramai pekerja
D	Membeli barang niaga daripada banyak pemborong atau pembekal	Membeli barang secara pukal daripada pengilang atau pengeluar

- 43 Antara berikut, manakah ialah jenis bantuan perniagaan ?
- I Insurans
 - II Perbankan
 - III Pentadbiran
 - IV Pengangkutan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

- 44 Berikut adalah pernyataan tentang sejenis promosi.

Syarikat Minuman Energy Life menaja kejohanan
SUKMA di Terengganu

Apakah bentuk promosi yang dilakukan oleh Syarikat Minuman Energy Life ?

- | | | | |
|---|-------------|---|-----------------|
| A | Publisiti | C | Promosi jualan |
| B | Pengiklanan | D | Jualan langsung |

- 45 Rajah 17 menunjukkan logo agensi kerajaan dalam membantu usahawan.

RAJAH 17



Apakah peranan agensi itu ?

- | | |
|---|---|
| A | Memberi latihan dan pengurusan perniagaan |
| B | Memberi bimbingan pengetahuan perniagaan |
| C | Memajukan persekitaran dan kemudahan asas |
| D | Menjalankan penyelidikan dan kemajuan berhubung industri kelapa sawit |

- 46 Antara berikut, yang manakah tujuan menyimpan rekod urusanniaga ?

- I Merancang pembelian aset bukan semasa
- II Mengenal pasti jenis saham yang boleh dilabur
- III Mengenal pasti keuntungan atau kerugian perniagaan
- IV Mengetahui prestasi perniagaan dalam suatu jangka masa

- | | | | |
|---|-----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan III | D | III dan IV |

- 47

Membuat dua catatan ke dalam dua akaun yang
berlainan dengan nilai yang sama

Pernyataan di atas merujuk kepada

- | | | | |
|---|--------------------|---|------------------------|
| A | Sistem akaun | C | Sistem catatan bergu |
| B | Sistem simpan kira | D | Sistem catatan pertama |

48 Soalan 48 dan 49 berdasarkan maklumat di bawah.

Kedai Cahaya			
Bank	RM 2 500	X	RM 4 730

Berapakah jumlah baki akaun di atas ?

- | | | | |
|---|-----------------|---|-----------------|
| A | Debit RM 4 700 | C | Kredit RM 2 230 |
| B | Kredit RM 2 500 | D | Debit RM 2 230 |

49 Apakah urusanniaga yang mungkin pada X ?

- A Membeli aset secara tunai daripada Kedai Cahaya
- B Menjual barang secara tunai kepada Kedai Cahaya
- C Membeli barang secara tunai daripada Kedai Cahaya
- D Membeli barang secara kredit daripada Kedai Cahaya

50 Antara yang berikut pernyataan yang manakah menerangkan maksud pemasaran ?

- A Aktiviti menjual barang kepada pengguna
- B Proses membekalkan barang untuk keperluan pengguna
- C Promosi memperkenalkan produk baru kepada bakal pelanggan
- D Kegiatan menyalurkan produk daripada pengeluar kepada pengguna

51 Antara yang berikut yang manakah ciri yang perlu diambil kira ketika memilih tempat untuk memasarkan sesuatu produk ?

- | | | | |
|----|-------------------------|-----|---------------------------------|
| I | Kemudahan infrastruktur | III | Berhampiran dengan pelanggan |
| II | Kemudahan pengangkutan | IV | Berhampiran sumber bahan mentah |
-
- | | | | |
|---|---------------|---|----------------|
| A | I, II dan III | C | I, III dan IV |
| B | I, II dan IV | D | II, III dan IV |

52 Rajah 18 menunjukkan suatu penyelewengan pengeluar

RAJAH 18



Apakah bentuk penyelewengan itu ?

- A Menyorokkan barang
- B Menjual barang yang bermutu rendah
- C Memberi maklumat pengiklanan palsu
- D Menjual barang tidak mengikut timbangan yang betul

53 Tujuan imbalan duga disediakan adalah untuk ?

- A Merekod urusniaga
- B Menguji ketepatan pengiraan
- C Mengira untung dan rugi perniagaan
- D Menunjukkan kedudukan kewangan

54 Soalan 54 dan 55 berdasarkan maklumat di bawah.

Kedai Gemilang			
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2009			
	RM		RM
Stok awal	18 000	Jualan	51 500
X	<u>29 950</u>		
Stok akhir	<u>8 430</u>		

Apakah **X** ?

- A Gaji
- B Belian
- C Komisen
- D Angkutan keluar

55 Berapakah jumlah untung kasar ?

- A RM 8 430
- B RM 11 980
- C RM 39 520
- D RM 47 550

56 Apakah tujuan Akaun Untung Rugi disediakan ?

- A Mencari untung atau rugi kasar
- B Mendapatkan untung atau rugi bersih
- C Membuat perbandingan antara aset dengan liabiliti
- D Menilai jumlah aset semasa dengan liabiliti perniagaan

57 Maklumat berikut dipetik dari buku Perniagaan Malek.

Butiran	RM
Modal	10 000
Rugi bersih	4 500
Ambilan	600

Berapakah modal akhir perniagaan itu ?

- A RM 3 900
- B RM 4 900
- C RM 5 100
- D RM 6 100

PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH TAHUN 2010**TINGKATAN 3****KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU
PILIHAN PERDAGANGAN & KEUSAHAWANAN**

Satu jam tiga puluh minit

Skema Jawapan

No. Soalan	Jawapan
1	A
2	A
3	C
4	C
5	B
6	B
7	C
8	D
9	C
10	C
11	B
12	C
13	D
14	C
15	D
16	C
17	B
18	A
19	A
20	B
21	D
22	A
23	D
24	A
25	C
26	B
27	D
28	D
29	B
30	B

No. Soalan	Jawapan
31	D
32	D
33	B
34	B
35	B
36	B
37	B
38	A
39	B
40	C
41	D
42	D
43	B
44	A
45	C
46	D
47	C
48	C
49	D
50	D
51	A
52	D
53	B
54	B
55	B
56	B
57	B
58	C
59	B
60	B